

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (PAKK) DI MALAYSIA: KAJIAN LITERATUR

Norfaezah binti Mohd Hamidin¹

Siti Nurhajariah binti Md Isa²

Awatif binti Abdul Rahman³

Idi Hamdi⁴

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kanak-kanak ibarat kain putih yang perlu dicorakkan oleh ibu bapa supaya menjadi pelapis generasi negara. Pendidikan awal kanak-kanak amat penting dalam menentukan hala tuju kehidupan mereka pada masa akan datang. Namun, ramai yang tidak tahu cara untuk mencorakkan kanak-kanak mengikut acuan yang betul. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang bentuk pendidikan awal kanak-kanak berdasarkan teori pendidikan awal kanak-kanak daripada sarjana Islam dan Barat. Seterusnya, menentukan konsep dan hala tuju yang betul dalam perkembangan pendidikan kanak-kanak semenjak prasekolah mengikut Falsafah Pendidikan Negara. Mengikut sejarah, pendidikan awal kanak-kanak bermula pada era 1950-an selepas perang dunia ke-2. Di Malaysia, perkembangan pendidikan awal kanak-kanak bermula sejak tahun 1940-an. Konsep pendidikan awal kanak-kanak terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama bermula dari 0 hingga 3 tahun, dan peringkat kedua bermula dari 3 hingga 6 tahun. Terdapat tiga teori yang perlu dirangkumi untuk menggubal kurikulum bagi pendidikan awal kanak-kanak iaitu teori kematangan (behavioris), teori tingkah laku persekitaran dan teori konstruktivis. Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan menekankan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Pembangunan modal insan perlu holistik, yang merangkumi usaha menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran termasuk sains dan teknologi, keupayaan keusahawanan selain menyemai sikap progresif, positif dan beretika melalui pelajaran, latihan dan pembelajaran seumur hidup. Atas kepentingan itu, semua ibu bapa dan guru harus menyedari akan peri pentingnya keperluan kanak-kanak dalam pendidikan awal mereka semasa peringkat prasekolah. Kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan di mana pengumpulan maklumat melalui sumber-sumber buku dan jurnal berkaitan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Rumusan dari hasil tinjauan literatur mendapati pendidikan awal kanak-kanak perlu dititikberatkan oleh ibu bapa yang merupakan guru pertama pada peringkat 0 hingga 3 tahun dengan sokongan guru di

¹ Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS, norfaezah@kuis.edu.my

² Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS

³ Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS

⁴ Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS

peringkat prasekolah bermula 3 hingga 6 tahun supaya pembentukan generasi yang cemerlang dapat dimulai sejak awal lagi.

Kata Kunci: *Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Konsep, Teori, Hala Tuju*

PENDAHULUAN

Pada era globalisasi kini, masyarakat menjadi semakin ghairah mengejar kemajuan dalam kehidupan selaras dengan hasrat negara melalui transformasi pendidikan negara dalam transformasi nasional 2050 (TN50). Dalam keghairahan tersebut, masyarakat menjadi lalai dan terleka dengan tuntutan agama atau disiplin ilmu yang berteraskan keagamaan. Hal yang sama berlaku dalam bidang pendidikan. Justeru, pendidikan yang seimbang dari segi intelek dan kerohanian perlu disemai seawal usia kanak-kanak lagi agar dapat melahirkan insan yang bukan sahaja tinggi intelegnya bahkan berakhlak mulia serta mampu menghadapi cabaran globalisasi.

Dalam usaha negara mencapai status negara maju, gejala keruntuhan akhlak juga semakin menjadi-jadi. Permasalahan akhlak yang wujud dalam kalangan pelajar samada berbentuk akhlak luaran mahu pun melibatkan hubungan dengan Allah sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara sekalipun kedua-duanya bukan faktor penyebab yang utama (Zaharah Hussin, 2008). Kajian-kajian terdahulu oleh Abdul Halim Tamuri et.al (2004) serta Ahmad Mohd Salleh (1997) telah mendedahkan ketidakupayaan sesetengah guru Pendidikan Islam dalam membentuk diri mereka selaku pembimbing dan *role model* kepada pelajar.

Pendidikan merupakan satu istilah yang memberi makna yang sangat luas kepada manusia. Pendidikan awal kanak-kanak merupakan asas kepada pembinaan sesuatu bangsa. Pepatah Arab menyebut bahawa jika kita ingin melihat generasi masa hadapan; lihatlah kepada golongan kanak-kanak pada masa kini. Masalah keruntuhan akhlak yang berleluasa yang berlaku kini boleh diatasi dengan memberikan pendidikan agama yang sesuai kepada kanak-kanak (Noor Azizi Ismail dan Syamsul Bahri Andi Galigo, 2010).

Dasar, Hala Tuju & Konsep Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Pendidikan secara ringkas bermakna merubah dan memindahkan nilai kebudayaan masyarakat kepada setiap individu dalam masyarakat tersebut. Di sini, kita dapat mengerti bahawa pendidikan boleh didapati melalui berbagai proses, tetapi pada dasarnya berlandaskan proses pemindahan nilai sesuatu masyarakat kepada setiap individu di dalamnya (Hasan Langgulung, 1979:3). Proses pemindahan nilai budaya ini melibatkan pengajaran, latihan dan indoktrinasi. Dalam tamadun Sarat, pendidikan awal bermaksud pendidikan peringkat prasekolah.

Pada mulanya peringkat ini hanya meliputi kanak-kanak dari umur tiga tahun hingga enam tahun, yang lebih dikenali dengan peringkat "kindergarden". Selepas beberapa kajian, konsep pendidikan awal ini dipinda supaya meliputi kanak-kanak di peringkat selepas lahir hingga ke peringkat enam tahun. Peringkat selepas lahir hingga ke peringkat tiga tahun dikenali juga sebagai peringkat "nursery".

Menurut perspektif Islam, pendidikan awal bermula dari masa anak masih berada dalam kandungan ibu sehingga kanak-kanak berumur enam tahun. Secara umum pendidikan awal

Islam boleh dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu peringkat sebelum lahir dan peringkat sesudah lahir. Peringkat sesudah lahir juga dibahagikan kepada dua tahap, iaitu dari mula dilahirkan hingga tiga tahun dan tahap seterusnya dari umur tiga tahun hingga meningkat ke enam tahun.

Perkataan pendidikan dalam Bahasa Melayu ialah kata nama terbitan daripada kata akar didik yang membawa maksud jaga, pelihara dan ajar. Perkataan pendidikan juga bersinonim dengan ajaran, latihan, tarbiah, pelajaran, bimbingan, asuhan dan tunjuk ajar. Dalam Bahasa Inggeris, pendidikan disebut sebagai *education* (Simpson dan Weiner, 1989) yang dikatakan berasal daripada cantuman dua kalimah dalam bahasa latin iaitu *e'ex* dan *duceduc* bererti 'memimpin' yang dapat diinterpretasikan sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat (Abdullah Ishak, 1995). Dalam bahasa Arab pula terdapat beberapa kalimah yang merujuk kepada pendidikan. Antara kalimah yang selalu digunakan ialah (Rosnani Hashim 2006; al-Attas 1979):

- i. *Tarbiyyah*. Kalimah *tarbiyyah* berasal daripada kata dasar '*rabba*'(mengasuh, memelihara atau memimpin). Ia juga merujuk kepada proses perkembangan potensi individu, mengasuh atau mendidik untuk menuju kepada satu keadaan yang selesa dan matang (Halsted 2004).
- ii. *Ta'lim*. Kalimah *ta'lim* berasal daripada konotasi '*alima* (mengetahui, memberitahu, melihat, mencerap, menganggap). Ia merujuk kepada proses menyampaikan atau menerima ilmu pengetahuan yang kebiasaannya didapati melalui latihan, arahan, tunjuk ajar atau lain-lain bentuk pengajaran (Halsted 2004).
- iii. *Ta'dib* berasal daripada kalimah aduba (memperhalusi, berdisiplin dan berbudaya). Ia merujuk kepada proses pembinaan watak dan pengajaran asas-asas penting untuk hidup bermasyarakat, ini termasuklah memahami dan menerima prinsip yang paling asas sekali iaitu keadilan (Halsted 2004; al-Attas 1979).

Secara umumnya, ketiga-tiga kalimah ini membawa maksud pendidikan tetapi jika diteliti secara lebih mendalam ternyata ketiga-tiga istilah ini membawa maksud yang berlainan. Menurut al-Attas (1992), antara ketiga-tiga kalimah tersebut, kalimah *ta'dib* lebih tepat kerana ia mempunyai makna yang lebih spesifik untuk menggambarkan proses pendidikan manusia berbanding dengan kalimah *tarbiyyah* yang mempunyai maksud yang lebih luas sehingga meliputi haiwan, di samping penekanannya kepada pengasuhan fizikal lebih daripada penyuburan mental dan rohani (al-Attas 1992; Rosnani 2006). Hujahnya diperkuatkan lagi dengan mengambil contoh Rasulullah SAW yang telah menggunakan perkataan *ta'dib* untuk merujuk tentang pendidikan yang diberikan oleh Allah kepada Baginda.

Dalam konteks Islam pula, pendidikan merupakan satu pelajaran atau pendidikan bagi kognitif, fizikal dan roh untuk melahirkan insan yang berperikemanusiaan. Definisi falsafah ini menumpu kepada pembentukan individu sehingga menjadi seorang manusia yang benar-benar sempurna bukan sahaja dari segi pertambahan ilmu bahkan dari segi pembentukan akhlak dan rohani (Kurshid 1975). Menurut Thoha (1996), pendidikan Islam adalah pendidikan yang falsafah dan tujuan serta teori-teorinya dibangunkan untuk melaksanakan praktik pendidikan yang didasarkan kepada nilai-nilai Islam yang terkandung dalam al-Quran dan hadis Nabi. Manakala al-Attas (1992) pula memberikan pengertian bahawa pendidikan Islam adalah usaha yang dilakukan oleh pendidik terhadap

anak didik untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar dari segala sesuatu dari aturan penciptaan sehingga membimbing mereka ke arah kebaikan.

Walau bagaimanapun, Islam tidaklah melihat pendidikan dari skop yang sempit, ia tidak terbatas kepada pendidikan duniawi semata-mata bahkan meliputi dua lapangan iaitu di dunia dan akhirat. Dalam konteks ini, Ibn Khaldun (2000) telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian yang utama. Pertama, ilmu yang berbentuk fardhu ain yang dituntut ke atas setiap orang supaya mengetahui dan mempelajarinya dalam melaksanakan tuntutan agama seperti ilmu tauhid, fiqh, akhlak, akidah dan sebagainya manakala yang kedua pula ialah ilmu fardhu kifayah iaitu ilmu yang mesti ada pada sekumpulan orang dalam masyarakat tanpa melihat kepada individu tertentu seperti ilmu pertukangan, kemahiran, perniagaan, kedokteran, ekonomi, fizik, astronomi dan sebagainya yang boleh mendatangkan manfaat kepada manusia. Ini membuktikan bahawa agama Islam tidak mementingkan pencapaian intelektual yang tinggi semata-mata bahkan perlu dilengkapi dengan kefahaman yang jelas mengenai agama Islam itu sendiri bagi menghasilkan manusia yang cemerlang di dunia mahupun di akhirat.

Jelasnya, pendidikan Islam dijadikan sebagai satu proses mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, membaiki, mengawal hawa nafsu, membentuk ketaatan kepada Allah SWT membentuk sikap sopan dan beradab (mempunyai akhlak yang baik) dan memadamkan semua sifat tercela yang ada dalam diri manusia. Semua definisi ini memberikan kefahaman bahawa hampir keseluruhan pendidikan yang dikehendaki dalam Islam ialah merujuk kepada pendidikan rohani manusia selaku hamba Allah di muka bumi ini bagi memancarkan kejernihan akhlak dan budi pekerti yang tinggi selain untuk perkembangan pengetahuan itu sendiri yang merupakan medium yang amat penting dalam membangunkan ketamadunan manusia yang hidup di dunia ini.

Oleh itu, seharusnya pendidikan awal kanak-kanak perlu dimulai dengan proses *ta'dib* untuk membentuk generasi seimbang dari segi intelek dan rohaninya sebagaimana yang sudah dipraktikkan dalam pendidikan prasekolah Islam di Malaysia, dan perlu dimasukkan dalam kurikulum PAKK.

Falsafah Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dicetuskan pada tahun 1979 setelah penerbitan laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Kebangsaan. FPK yang dahulunya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah digubal sembilan tahun kemudiannya dicermin berdasarkan dokumen-dokumen dasar dan berlandaskan ketiga-tiga ideologi negara, iaitu; Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (Rancangan Malaysia Ketiga pada 1976-1980) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (1999).

Penggubalan FPK oleh pakar-pakar pendidikan digubal secara teliti dan mengambil berat tentang keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara. FPK digambarkan sebagai medium penghasilan produk (anak-anak murid) yang menepati citarasa masyarakat dan hasrat Negara melalui kurikulum yang dibentuk. FPK menjadi rujukan para guru dalam merealisasikan misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada negara Malaysia yang rancak membangun. Falsafah ini turut memberi pedoman dan inspirasi kepada segala usaha pendidikan sama ada di dalam atau di luar institusi pendidikan.

FPK bermatlamat ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Gabungan kesemua item tersebut berkemampuan menghasilkan modal insan yang dihasratkan oleh negara Malaysia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan berbunyi seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasar kepada kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara”.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah...”. Perkataan “berterusan” menunjukkan bahawa sistem pendidikan tidak terhenti sebegitu sahaja, malahan berlangsung secara tekal dan dapat membuktikan kedinamikan pendidikan berdasarkan keperluan individu, masyarakat dan negara dari semasa ke semasa. FPK menentukan arah haluan, asas dan sumber inspirasi kepada semua rancangan dalam bidang pendidikan. Misalnya, “...bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, ...”. Ia menjadi asas penentuan kurikulum, ko-kurikulum dan citra guru yang diharap-harapkan. Variasi usaha pendidikan yang sedia ada, direformasi secara mudah dan dilaksanakan ke arah mencapai matlamat pendidikan negara dengan merujuk FPK tersebut. FPK menjadi medium merealisasikan misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); iaitu membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia dan memenuhi aspirasi negara kita. FPK menjadi rujukan para guru, para penggubal kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Manakala matlamat Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) berbunyi seperti berikut:

“Pendidikan prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak”.

Pembentukan sesuatu kurikulum memerlukan penetapan dalam falsafah. Jika ingin menyediakan kurikulum prasekolah, maka falsafah pendidikan prasekolah wajar ditentukan terlebih dahulu. Misalnya, falsafah prasekolah menggambarkan tujuan prasekolah, nilai dan kepercayaan guru tentang bagaimana kanak-kanak belajar.

Falsafah yang dipegang atau dirujuk oleh guru prasekolah mampu mempengaruhi keputusan yang dibuat untuk kanak-kanak. Justeru, Kurikulum Standard Prasekolah

Kebangsaan dibentuk berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Kedua-dua falsafah ini perlu diterjemahkan mengikut kesesuaian dengan perkembangan kanak-kanak. Pendidik dan penggubal kurikulum perlu memahami hasrat negara yang dinyatakan dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Setiap kurikulum yang dibentuk adalah untuk memenuhi keperluan jangka panjang. Kesan daripada hasil kurikulum yang digubal akan melahirkan generasi negara seperti mana yang dihasratkan dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Falsafah menggambarkan tujuan prasekolah, nilai dan kepercayaan guru berkenaan bagaimana kanak-kanak belajar. Falsafah yang dipegang oleh para guru prasekolah sangat mempengaruhi keputusan yang dibuat untuk kanak-kanak. Pendidikan seharusnya memberi peluang individu untuk mengembang bakat, potensi dan kebolehan mereka menerusi interaksi sosial dengan orang lain dan pragmatik.

Rukun Negara

Lima prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran perlembagaan, Kedaulatan undang-undang, Kesopanan dan kesusilaan telah menjadi panduan, pegangan dan asas bagi guru-guru mendidik kanak-kanak prasekolah kerana negara kita terdiri daripada masyarakat majmuk dengan berbilang kaum yang mempunyai pelbagai cara hidup dan budaya, bahasa dan latar belakang yang berbeza. Oleh itu, dalam proses pengajaran dan pembelajaran perkara yang perlu diutamakan oleh guru ialah agar kanak-kanak dapat berkerjasama antara satu sama lain dalam usaha untuk menerapkan semangat perpaduan pada peringkat asas lagi. Perpaduan yang lebih erat, saling hormat menghormati dan menikmati kemakmuran negara secara adil dan saksama diharapkan dapat dicapai sebaik mungkin. Justeru, setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu dirancang agar prinsip-prinsip Rukun Negara dapat direalisasikan.

Negara kita Malaysia sentiasa berhasrat hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Objektif Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan menyediakan peluang kepada murid berumur 4-6 untuk mencapai objektif seperti berikut:

- 1) Dari segi jasmani mempunyai tubuh badan yang sihat, kecergasan dan kemahiran fizikal asas, mempraktikkan amalan kesihatan yang baik dan langkah-langkah menjaga keselamatan, menguasai kemahiran psikomotor asas seperti kemahiran motor halus dan motor kasar.
- 2) Dari segi emosi mempunyai konsep sendiri yang positif, keyakinan diri, jati diri, berani mencuba, mempunyai kematangan emosi, menghormati perasaan dan hak orang lain, boleh bekerja secara bersendirian dan juga bekerja secara berkumpulan.

3) Dari segi intelek dapat berkomunikasi dengan baik (membaca, menulis dan bertutur) menggunakan bahasa Malaysia, berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris, berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Cina dan Tamil (untuk yang berkenaan), memperoleh kemahiran proses sains dan matematik asas, memperoleh kemahiran berfikir asas, kemahiran menaakul dan kemahiran asas dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian murid, mempunyai daya kreatif dan estetika, menghargai keindahan alam dan warisan budaya.

4) Dari segi rohani dapat mengamalkan nilai murni dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.

5) Dari segi sosial, murid berkebolehan berkomunikasi dengan mantap, membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa dan rakan sebaya, menyuarakan pandangan dan perasaan dan bekerjasama dengan orang lain.

Teori Islam dan Barat tentang PAKK

Sebelum berbincang mengenai pandangan sarjana Islam dan Barat mengenai kepentingan pendidikan awal kanak-kanak, sebenarnya banyak ayat al-Quran dan hadith Rasulullah SAW yang menyentuh tentang pendidikan kepada anak-anak, antaranya firman Allah yang bermaksud;

“Dan ketahuilah, bahawa harta bendamu dan anak-anakmu itu adalah sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allahlah pahala yang besar”.

(Surah al-Anfal:28)

Terdapat juga hadith yang bermaksud;

Apabila anak Adam meninggal dunia, putuslah semua amalnya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang mantaat dan anak yang saleh yang mendoakannya.

(Riwayat Muslim)

Terdapat juga beberapa hadis yang menunjukkan tentang kepentingan pendidikan kepada umat Islam. Sebagai contohnya, dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda (Bukhari t.th. 5) yang bermaksud *“Tiap-tiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan suci, maka ibu bapanyalah yang menjadikan ia Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”* Hadis ini menerangkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting dalam pendidikan awal seperti membentuk asas-asas perkembangan diri seseorang anak. *“Melentur buluh biarlah dari rebung,”* peribahasa ini membawa analogi bahawa untuk mendapatkan keberkesanan dalam pendidikan seseorang itu mestilah bermula daripada masa kanak-kanak. Ini bertepatan dengan beberapa sabda Rasulullah saw (Abu Dawud t.th.) yang bermaksud *“Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berumur tujuh tahun dan pukullah mereka ketika berumur sepuluh tahun (jika masih tidak bersolat)”*.

Teori Islam

1) Al-Ghazali

Anak-anak ialah tanggungjawab ibu bapa. Jiwa mereka adalah suci seperti mutiara, sangat bernilai murni, dan bebas daripada sebarang kerosakan. Jika kanak-kanak dibesarkan dalam tingkah laku yang baik, mereka akan membesar dalam persekitaran yang baik dan menjadi manusia yang baik. Ibu bapa, guru, penjaga, dan orang lain yang terlibat dalam mendidik kanak-kanak ini akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Menurut Imam Al-Ghazali (1996) juga bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa anak merupakan amanah Allah SWT kepada ibu bapa. Tanggungjawab ibu bapa amat besar dan seharusnya dilaksanakan dengan sebaiknya.

Mendidik kanak-kanak dengan amalan agama yang bersesuaian seperti amalan khusus dan amalan umum seperti solat. Kaedah pengajaran ialah berperingkat dari segi tingkah laku dan bacaan. Imam Al-Ghazali menekankan aspek bermain kerana tabiat kanak-kanak, membina tubuh yang kecil dan menguatkan otot. Dapat membuatkan kanak-kanak gembira dan bermain membolehkan kanak-kanak bersantai setelah penat belajar.

"Kanak-kanak merupakan amanah dan tanggungjawab orang tuanya, jiwanya yang suci murni merupakan permata mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran, dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya."

(Al-Ghazali, 1296H. dalam Hasan Langgulung, 1979)

2) Ibn Khaldun

Kanak-kanak tidak seharusnya diajar perkara yang rumit. Mereka perlu belajar daripada yang paling senang kepada yang paling susah secara berperingkat menggunakan kaedah latih tubi dan bahan konkrit sebagai alat bantu mengajar. Jangan bebankan kanak-kanak dengan perkara yang melampaui kebolehannya kerana ia boleh menyebabkan mereka tidak mahu belajar dan bencikan apa yang diajar.

Cara mengajar kanak-kanak ialah menegah guru dan ibu bapa daripada mengajar dengan cara kekejaman kerana ia boleh menyebabkan kanak-kanak menjadi malas, penipu, dan berpura-pura demi menyorokkan kebenaran. Sikap begitu akan menjadi kebiasaan dan kanak-kanak boleh hilang sifat kemanusiaan.

Cara belajar mengikut ibn Khaldun dari segi tempoh belajar, ia tidak sepatutnya terlalu lama kerana kanak-kanak mungkin akan lupa. Hendaklah mengajar dalam tempoh yang singkat menggunakan kaedah yang betul akan menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna. Dari segi bahasa, beliau menyatakan bahawa bahasa ialah asas kepada ilmu pengetahuan.

3) ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan

Menurut ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1996), ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna dan sewajarnya. Ibu bapa juga merupakan teladan kepada anak-anak. Apa yang dilakukan oleh ibu bapa, bakal menjadi ikutan mereka dalam proses pembentukan tingkah laku dan keperibadian diri.

‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (2006) dalam bukunya yang begitu terkenal, *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*, telah menggariskan tujuh aspek pendidikan yang perlu dilaksanakan oleh setiap pihak yang bertanggungjawab terhadap kanak-kanak. Aspek-aspek tersebut ialah aspek pendidikan akidah, akhlak, fizikal, mental, emosi, sosial, dan seksual.

Teori Barat

1) Johann Heinrich Pestalozzi (1746-1827)

Mengikut pendapat beliau, ibu adalah guru terbaik dalam mendidik kanak-kanak dan bertepatan seperti kata pujangga Arab *أول الأم أول المدرسة* bererti ibu adalah sekolah pertama bagi anak-anaknya. Antara falsafah Pestalozzi ialah teknik pengajaran mengingat dan menghafal tidak berkesan pada pendidikan awal kanak-kanak. Sebaliknya, beliau menekankan penggunaan bahan maujud dan penerokaan sendiri dalam mengajar kanak-kanak. Sumbangan berharga Pestalozzi ialah pembentukan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan individu. Beliau percaya kanak-kanak perlu terlibat dalam aktiviti yang bermakna bagi mereka, iaitu yang berasaskan minat dan pengalaman mereka.

Beliau turut mencadangkan agar kanak-kanak diajar berdasarkan tahap keupayaan dan usaha mereka. Pestalozzi percaya bahawa pendidikan berasaskan pengalaman deria. Kanak-kanak mampu mencapai potensi semula jadi mereka melalui pengalaman deria yang bersesuaian. Teknik pengajaran berasaskan objek, yang berasal daripada kepercayaan ini. Cara terbaik dalam konsep pembelajaran ialah menerusi manipulatif seperti mengira, mengukur, merasa, dan menyentuh. Memetik kata-kata Gordon & Brown (1989:310):

*"Young children are like sponges; they absorb everything going on about them. Since they are young, the world is new and fresh. Therefore children do not discriminate between what is prepared and structured for them to learn and whatever else happens to them at school. It is **all** learning".*

2) Froebelion

Beliau adalah seorang tokoh pendidikan dari Jerman. Beliau digelar sebagai “Bapa Tadika”. Pada tahun 1837, beliau menubuh sekolah taman kanak-kanak yang dinamakan “kindergarden”. Beliau adalah seorang yang kuat beragama dan menganggap manusia secara semulajadinya adalah baik dan dunia adalah tempat bekerja dan manifestasi terhadap Tuhan. Menurut beliau “kanak-kanak umpama biji benih, ibu bapa dan pendidik umpama tukang kebun, “kindergarten” pula ialah taman untuk kanak-kanak. Oleh itu, kanak-kanak perlu belajar dalam persekitaran yang terancang dan kanak-kanak berkembang melalui main”.

Antara idea-idea Froebel ialah taman kanak-kanak perlulah dipenuhi dengan keindahan untuk menarik perhatian kanak-kanak. Sekurang-kurangnya ia dicat dengan warna yang terang, mempunyai bilik yang senang dimasuki cahaya, dipenuhi dengan taman-taman, binatang dan gambar-gambar. Bilik perlu dilengkapi dengan kerusi meja yang sesuai untuk kanak-kanak. Keadaan bilik tidak sempit kerana akan menyusahkan perjalanan aktiviti. Kelas prasekolah perlu dipenuhi dengan pemandangan, bunyi-bunyian dan objek-objek untuk kanak-kanak yang mempunyai bentuk yang mudah, saiz dan warna. Suasana di

taman kanak-kanak hendaklah dapat mengawal kanak-kanak daripada pengaruh jahat yang terdapat dalam masyarakat dan bahaya alam semulajadi. Di taman kanak-kanak perlu dipupuk dengan perkembangan mental, fizikal dan sosial kanak-kanak. Taman kanak-kanak merupakan satu pendekatan terhadap latihan kanak-kanak. Pendidikan adalah pembinaan watak atau peribadi kanak-kanak. Ia hendaklah berdasarkan kepada keperluan dan keupayaan kanak-kanak. Menurut beliau, kanak-kanak mempelajari sesuatu melalui perbuatan. Ia perlu diberi kebebasan. Beliau menekankan kaedah bermain kepada kanak-kanak dan belajar melalui membuat. Beliau mencadangkan dalam mendidik kanak-kanak perlu menggunakan objek supaya menimbulkan minat dalam pembelajarannya. Beliau menekankan disiplin diri terhadap kanak-kanak dan motivasi dalaman adalah penting bagi kanak-kanak. Pembelajaran bukanlah sesuatu yang terpisah dan ia saling berkaitan antara satu sama lain.

Teori & Model Kurikulum PAKK

Terdapat tiga teori psikologi yang mempengaruhi pembentukan model dan program dalam pendidikan awal kanak-kanak. Ketiga-tiga teori psikologi tersebut adalah:

(a) Teori Kematangan (Teori Behavioris)

Menurut teori ini perkembangan dilihat sebagai hasil struktur kematangan individu itu sendiri. Aspek perkembangan domain adalah hasil daripada genetik atau keturunan. Teori kematangan ini masih mengekalkan manusia adalah sama dalam keadaan tertentu sebab teori ini beranggapan manusia daripada spesies yang sama. Teori ini berpandangan keturunan mempengaruhi kematangan dan pengajaran. Pendidik perlu menyediakan pengalaman pembelajaran apabila kanak-kanak menunjukkan minat dan betul-betul bersedia.

(b) Teori Tingkah Laku Persekitaran

Berdasarkan teori ini, perkembangan dilihat sebagai pengaruh daripada persekitaran dan hasil tingkah laku. Prosesnya lebih kepada pengukuhan verbal, penanggapan dan tingkah laku motor. Teori ini menekankan pengajaran menerusi arahan terus dengan urutan matlamat dan penggunaan bahan.

(c) Teori Konstruktivis

Teori konstruktivis menghuraikan kanak-kanak berinteraksi dengan persekitaran dan membina pengetahuannya sendiri. Konstruktivis melihat perkembangan adalah hasil daripada tindakan pengalaman dengan cara manusia mentafsirkan, mengenal pasti atau mengubahsuai pengalaman. Terdapat enam pengaruh utama yang membentuk interaksi keseluruhan perkembangan individu iaitu interaksi keseluruhan perkembangan individu; kematangan atau faktor genetik sahaja; pengalaman atau input persekitaran; tugas perkembangan menerusi interaksi individu dengan persekitarannya; rundingan dengan orang lain; dan interaksi dengan pengaruh sebelumnya.

Selain daripada teori psikologi yang banyak mempengaruhi model dan program pendidikan awal kanak-kanak, perspektif ekologi pula melihat tingkah laku bukan sahaja dipengaruhi oleh persekitaran tetapi juga mempengaruhi persekitaran itu sendiri. Ini

bermakna persekitaran yang terdekat dengan seseorang mempengaruhi dirinya lebih kuat daripada sistem ekologi yang lebih jauh.

Program bermaksud perancangan sesuatu model pendidikan awal kanak-kanak. Setiap model mempunyai asas program yang mengandungi teori psikologi, perspektif ekologi dan falsafah yang menjadi pegangan. Teori psikologi membantu mendapatkan jawapan tentang 'apa yang kanak-kanak boleh belajar'. Manakala perspektif ekologi kanak-kanak dilihat dari konteks sosio budaya yang memberi kesan kepada proses sosialisasi terhadap perkembangan kanak-kanak.

Model-model Perkembangan Awal Kanak-Kanak

Antara model-model perkembangan awal kanak-kanak ialah Montessori, Head Start, High Scope, Siegel dan Reggio Emilia. Program Montessori merupakan program yang diasaskan oleh Maria Montessori. Beliau merupakan doktor perubatan wanita yang pertama di Itali. Beliau meminati bidang psikiatrik dan bekerja merawat kanak-kanak terencat perkembangan akal. Beliau berpendapat masalah kanak-kanak lebih kepada pendidikan daripada perubatan. Beliau telah membuktikannya apabila kanak-kanak yang telah dipulihkan menerusi pendidikan telah berjaya di dalam peperiksaan di sekolah. Aktiviti dalam Model Montessori lebih tertumpu kepada menjelajah dan meneroka tentang persekitaran kehidupan harian. Kanak-kanak diperkenalkan komponen kehidupan harian di mana aktiviti amali kepada penjagaan diri contohnya kemahiran menjaga diri seperti menyikat rambut, membasuh tingkap dan membersihkan bilik darjah. Ia juga melibatkan konseptual atau bahan akademik contohnya membantu membina asas menulis, membaca dan matematik. Montessori juga menekankan kepada aktiviti konseptual yang berbentuk konkrit dan melibatkan kanak-kanak secara aktif dan menggunakan pelbagai sensori.

Head Start adalah program yang diperkenalkan pada tahun 1964 di Amerika di bawah Head Start Bureau dan disokong oleh Administration for Children and Families dan dinaungi oleh U.S. Department of Health and Human Services. Matlamat Head Start untuk membantu membasmi kemiskinan dengan memberi pendidikan kepada kanak-kanak dan keluarga menerusi program komprehensif yang dapat membantu keperluan mereka. Program ini melibatkan semua peringkat kanak-kanak, guru, institusi, keluarga, komuniti dan organisasi pentadbiran yang melibatkan agensi kerajaan dan badan sukarela. Teras utama Head Start melibatkan pendidikan yang berfokus kepada intelektual, sosial dan perkembangan emosi, kesihatan termasuk imunisasi dan perubatan, pergigian, mental dan perkhidmatan pemakanan, penglibatan ibu bapa dan perkhidmatan sosial (kekerapan hubungan dengan komuniti dan rujukan serta bantuan kecemasan dan penyelesaian masalah).

Pendekatan pengajaran guru mengikut pendekatan Head Start seperti yang dinyatakan oleh Child Development Associate adalah memantapkan dan mengekalkan keselamatan dan persekitaran pembelajaran yang sihat; kemahiran fizikal dan kecekapan intelektual; memupuk perkembangan sosial dan emosional dan menyediakan bimbingan; memantapkan hubungan positif dan produktif dengan keluarga; memastikan perjalanan program lancar, berfaedah dan bertanggungjawab kepada keperluan mereka yang terlibat; dan mengekalkan komitmen kepada profesionalisme.

Berdasarkan kenyataan di atas, peranan guru Head Start lebih menyeluruh daripada peringkat kanak-kanak sehinggalah keluarga dan komuniti. Guru juga berperanan untuk mengenal pasti kelewatan pencapaian kanak-kanak menerusi intervensi. Langkah ini diambil bertujuan untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak dan mengatasi masalah yang dihadapi daripada berbagai aspek.

Program High/Scope (Wirkert di bawah program Program Konstruktivis) berfokus kepada beberapa konsep iaitu pembelajaran aktif, menggunakan bahasa, menggambarkan pengalaman dan idea-idea, klasifikasi, konsep nombor, seriasi, hubungan ruang dan masa. Pengalaman ini dipilih kerana ia penting untuk pembangunan pemikiran dan sangat praktikal sebagai satu program untuk kanak-kanak.

Matlamat program Siegel pula (Siegel, di bawah Program Konstruktivis) merupakan perkembangan kompeten persembahan Siegel. Siegel menerangkan tiga prinsip sebagai panduan dalam memilih bahan-bahan dan aktiviti-aktiviti dalam programnya. Kanak-kanak memahami dunia mereka melalui penglibatan dengan persekitaran. Gambaran kecekapan dibina secara bersekuen contohnya duduk, berdiri dan berlari. Gambaran kecekapan dibina berdasarkan tindak balas interaksi fizikal dan persekitaran sosial yang bersesuaian.

Walaupun penekanan dan matlamat program-program ini tidak serupa tetapi berkisar tentang perkembangan pemikiran kanak-kanak dan keupayaan memberi sebab musabab (reasoning) dan kebolehan kanak-kanak mempamerkan pengalaman dengan cara bermakna. Setiap program tersebut bergantung kepada penglibatan kanak-kanak secara aktif dengan bahan-bahan dan pembimbing guru yang kemudiannya membantu kanak-kanak membuat refleksi terhadap pengalaman mereka. Contohnya, bermain dengan blok-blok, memberi peluang kanak-kanak mengembangkan konsep matematik seperti jarak dan persamaannya. Beberapa aktiviti lain memberi peluang kepada kanak-kanak menggunakan kemahiran perkembangan mereka dalam bahasa (literasi). Banyak aktiviti dan pengalaman dipilih bagi membantu kanak-kanak berfikir mengenai penyelesaian sosial dan kognitif. Hubungan kait kesemua aspek perkembangan adalah sangat penting bagi mengembangkan "whole child" isi kandungan bagi sains, sosial, matematik, seni, kesihatan dan keselamatan semuanya disepadukan ke dalam bentuk tema mengikut minat kanak-kanak. Bahasa diajar melalui aktiviti membaca dan menulis. Ahli 'interactionalist' mengharapkan kemahiran bahasa diajar sebaik-baiknya dalam konteks kemahiran yang digunakan.

Pendekatan Reggio Emilia berasal daripada sebuah bandar di utara Itali bernama Reggio Emilia. Pendekatan ini berdasarkan teori konstruktivis. Pengasasnya Loris Malaguzzi adalah berfahaman sosial konstruktivis yang dipengaruhi oleh ahli psikologi seperti Dewey, Piaget dan Vygotsky. Malaguzzi berpendapat bahawa pendidikan berasaskan hubungan, berfokuskan pada kanak-kanak berhubung dengan manusia, benda dan idea. Matlamatnya untuk mengaktifkan dan membantu atau menyokong kanak-kanak menghubungkan idea dan penglibatan dengan rakan sebaya, ahli komuniti dan persekitaran fizikal. Kanak-kanak, guru dan ibu bapa kesemuanya mempunyai hak dalam sistem, menyumbang kepada sistem dan belajar dengan sistem. Sistem dimaksudkan pendekatan Reggio Emilia.

Matlamat pendekatan Reggio Emilia kanak-kanak dijangkakan aktif dan mempunyai sumber untuk menghasilkan perubahan dalam sistem yang mereka terlibat. Guru tidak

memberi jawapan kepada kanak-kanak tetapi membantu mereka meneroka dan menyelidik. Kanak-kanak meningkat kecekapannya kepada simbol yang mewakili idea dan perasaannya menerusi ‘Seratus Bahasa’ (*Hundreds of Languages*) iaitu ekspresif, komunikatif dan kognitif termasuk bahasa, gestur, lakaran, catan, binaan, arca, wayang kulit, kolaj, pendawaian, main dramatika, muzik, tarian, boneka dan komputer. Secara sistematik mereka menggunakan perkara tersebut untuk meneroka dan menghubungkannya. Guru mengikuti minat kanak-kanak dan tidak memberi arahan berfokus dalam membaca dan menulis. Sebaliknya, guru memupuk literasi secara spontan semasa kanak-kanak merekod dan manipulasi idea dan berkomunikasi dengan rakan atau orang lain. Guru perlu mencuba memahami sepenuhnya pandangan dan keupayaan kanak-kanak dan melihat kanak-kanak mempunyai keupayaan bukan keperluan sepenuhnya. Pendekatan pengajaran Reggio Emilia lebih fleksibel dan memberi peluang untuk input dan membuat keputusan kepada semua yang terlibat. Kaedah hendaklah disesuaikan dengan konteks dan situasi. Paling penting prinsip pengajaran Reggio Emilia hendaklah berasaskan pemerhatian yang teliti terhadap kanak-kanak. Guru memulakan dengan pemilihan idea dan pemikiran kanak-kanak, mempertimbangkan bentuk pengetahuan, soalan dan keutamaan yang ada pada kanak-kanak sebelum membuat perancangan dan projek.

Peranan guru dalam pendekatan Reggio Emilia sebagai rakan kongsi dan pemandu arah kanak-kanak semasa mereka belajar. Pendekatan Reggio Emilia merupakan pendekatan yang menjadikan guru sebagai penghubung antara institusi dengan keluarga, komuniti dan pentadbiran kerajaan. Keadaan ini serupa dengan sistem yang sedia ada di Malaysia iaitu guru-guru di tadika KEMAS. Peranan guru KEMAS selain mendidik kanak-kanak di tadika, mereka juga berperanan sebagai pemaju masyarakat di luar Bandar.

Kurikulum Holistik PAKK

Berdasarkan kepada penerangan teori dan model perkembangan awal kanak-kanak, seharusnya modul pendidikan kanak-kanak perlu selari dengan teori tersebut. Oleh itu, satu kurikulum perlu digubal untuk memenuhi matlamat pendidikan prasekolah. Apa itu kurikulum? Kurikulum didefinisikan sebagai cara membantu pendidik berfikir tentang kanak-kanak dan mengurus pengalaman kanak-kanak berdasarkan program. Kurikulum juga boleh dimaksudkan semua pengalaman yang berlaku di sekolah. Kurikulum merupakan bentuk penulisan yang dirancang untuk pembelajaran. Selain itu, kurikulum juga membawa pengertian senarai topik pembelajaran yang akan dilaksanakan. Kurikulum didefinisikan sebagai cara membantu pendidik berfikir tentang kanak-kanak dan mengurus pengalaman kanak-kanak berdasarkan program. Kurikulum juga boleh dimaksudkan semua pengalaman yang berlaku di sekolah. Kurikulum merupakan bentuk penulisan yang dirancang untuk pembelajaran. Selain itu, kurikulum juga membawa pengertian senarai topik pembelajaran yang akan dilaksanakan. Pendidikan memerlukan sukatan pelajaran atau kurikulum yang tersendiri dan khusus. Kurikulum bermaksud segala perancangan pendidikan yang dikehendaki oleh sesebuah institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum mencerakinkan konsep dan falsafah pendidikan secara lebih terperinci.

Kurikulum merupakan suatu elemen terpenting dalam sistem pendidikan. Ia merupakan nadi kepada sistem pendidikan yang mencorakkan generasi akan datang. Bagi menjana suatu sistem pendidikan yang berkualiti, kurikulum itu sendiri perlu bersifat dinamik dan

relevan dengan kehendak semasa mahupun keperluan masa akan datang. Kurikulum di Malaysia ditakrifkan sebagai suatu program pendidikan yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai kebudayaan serta kepercayaan untuk membantu perkembangan potensi seseorang murid secara seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

Pernyataan kurikulum ini perlulah diterjemahkan melalui pelaksanaan aktiviti kurikulum dan kokurikulum di sekolah dan melalui proses pengajaran dan pembelajaran serta interaksi guru murid di bilik darjah. Perlu ditegaskan bahawa kurikulum bukannya satu entiti yang konsistan tetapi berubah mengikut senario dan keperluan ekonomi, sosial dan politik tanah air.

Pendekatan "holistik" ialah suatu pendekatan yang menyeluruh, bersepadu, seimbang, berkesinambungan, dan merangkumi semua aspek penting secara serentak. Tujuan akhir pendekatan holistik ini ialah untuk mendapatkan sesuatu yang bersifat syumul (Iengkap) dalam memenuhi keperluan insaniah daripada segala segi termasuk keperluan yang bertunjangkan akal-budi dan naluri. Aspek-aspek yang diberikan perhatian akan dihubungkan antara satu dengan yang lain supaya terdapat 'kesepaduan'. Menurut perspektif Islam, bukan sahaja kesepaduan malah keseimbangan antara aspek rohani (keimanan dan akhlak), aspek intelek (kognitif), aspek emosi (afektif), dan aspek jasmani (psikomotor) juga perlu diberi perhatian. Dalam penyusunan aspek-aspek yang hendak diberikan tumpuan, Islam memberikan prioriti kepada aspek kerohanian iaitu keimanan dan akhlak.

Ini seterusnya dijalinan secara berhirarki dan berkesinambungan dengan aspek-aspek lain seperti intelek untuk mendapatkan pengetahuan yang berguna, aspek emosi dan aspek jasmani untuk mendapat kebolehan berinteraksi dan kecergasan fizikal. Hasil yang ingin dicapai ialah manusia beriman, berilmu dan beramal, bukan yang mempunyai ilmu tanpa amal atau yang beramal tetapi jahil. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan telah dibentuk berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penekanan diberi kepada bahasa merentas semua tunjang kerana penguasaan bahasa amat penting dalam proses pembelajaran. Penguasaan kemahiran bahasa diperolehi melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kecekapan berbahasa akan membantu murid berfikir, memahami sesuatu konsep, berimaginasi, melahirkan idea, berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan.

Pelaksanaan kurikulum secara bersepadu dirancang melalui pendekatan Amalan yang Bersesuaian dengan Perkembangan Murid (ABP). Amalan yang Bersesuaian dengan Perkembangan murid adalah satu pendekatan yang menekankan kepada penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan umur, perkembangan diri, kebolehan, bakat serta minat murid. Pendekatan kurikulum yang berfokus kepada hasil pembelajaran (*outcome-based learning*) memberi penekanan kepada apa yang murid perlu tahu, faham dan buat serta amalkan hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna aktiviti pembelajaran memberi penekanan kepada apa yang harus diperolehi dan dicapai oleh murid.

Melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dan bersepadu, murid dapat menguasai dan memperolehi ciri-ciri seperti kecekapan berbahasa dan berkomunikasi;

kemahiran berfikir; berakhlak mulia dan beretika; berkeyakinan dan berdisiplin; sihat dan cergas, berimaginatif, kreatif dan ekspresif. Berbekalkan kecekapan dan kemahiran di atas, murid sudah bersedia untuk ke sekolah rendah. Kesediaan murid ke Tahun Satu amat bergantung kepada pendedahan asas yang dibina di peringkat prasekolah. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan anda sebagai guru prasekolah.

KESIMPULAN

Daripada pembacaan literatur, penekanan terhadap pendidikan awal kanak-kanak sangat penting pada masa sekarang. Kalau dahulu, kanak-kanak dihantar terus ke sekolah tanpa melalui fasa pendidikan prasekolah, tetapi situasi kini sangat berubah. Bahkan dikatakan kanak-kanak itu keciciran pelajaran jika tidak dihantar ke tadika-tadika yang ada di negara ini. Ini menunjukkan perlunya ada satu sistem yang boleh dijadikan panduan kepada pendidikan prasekolah berasaskan falsafah yang telah digariskan dan mencapai objektif kepada pendidikan awal kanak-kanak. Cuma, persoalannya acuan mana perlu diikuti, dan bersesuaian dengan pegangan agama kita, agama Islam. Seharusnya kanak-kanak dicorak dengan nilai-nilai adab Islam dan budaya ketimuran sekalipun berdepan dengan era globalisasi. Tanamkan nilai-nilai murni ke dalam jiwa anak-anak yang diibaratkan seperti kain putih kerana mereka merupakan generasi pelapis kita pada masa hadapan. Mereka memang perlu dididik menjadi generasi ulul albab yang boleh mencorak masa depan mereka menjadi pemimpin yang ulung dan khalifah yang baik untuk menjaga amanah Allah di bumi ini.

Berdasarkan pembacaan di atas, seharusnya ada keseragaman antara semua tadika di Malaysia untuk mencapai kehendak Falsafah Pendidikan Negara dan Rukun Negara. Walaupun berlainan nama pada tadika, seharusnya semuanya mengikut matlamat yang telah termaktub dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan prasekolah harus dibezakan dengan pendidikan sekolah kerana pada waktu usia tersebut, fitrah kanak-kanak masih ingin bermain, dan kurikulum yang digubal harus bersesuaian dengan fitrah tersebut, begitu juga dalam penggubalan buku teks dan penilaian peperiksaan. Perancangan dan tindakan yang betul dalam pendidikan generasi awal pertumbuhan manusia harus dijaga dan diselidiki supaya tidak mendatangkan musibah kepada perkembangan fizikal, intelek, emosi dan rohani kanak-kanak tersebut. Penyerapan nilai-nilai yang baik harus dititikberatkan pada peringkat awal pendidikan kanak-kanak, dan tidak menjurus kepada aspek peperiksaan. Begitu juga, pembelajaran bahasa dan pemerolehan bahasa harus dibentuk sebaik mungkin supaya tiada kecelaruan antara bahasa ibunda dan bahasa kedua.

Semoga gagasan ke arah transformasi pendidikan negara menjadi satu kenyataan dan bukan igauan semata-mata dengan sokongan setiap komuniti daripada ibu bapa, guru dan sekolah untuk membentuk generasi cemerlang dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- Asas Pengajian Kurikulum Dan Model Prasekolah. www.academia.edu/.../PRA3102_05_Asas_Pengajian_Kurikulum
- Dasar asuhan dan didikan awal kanak-kanak kebangsaan. www.programpermata.my/.../Dasar_Asuhan_dan_Didikan_Awal
- Fatimah Saleh, Khadijah Zon, Zurida Ismail. (1993). *Kurikulum Pendidikan Awal: Ke Arah Pendidikan Holistik*. Univesiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Jilid 12.33-46.

- Hala tuju Pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.
<http://dihujungpen.blogspot.my/2011/01/hala-tuju-pendidikan-awal-kanak-kanak.html>
- Imran Ariff Ariffin, Faizul Ab Kadir, Khadijah Ibrahim, Rizawati Abd Halim, Wan Zurianti Wan Abdullah. (2010). *Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Peringkat Tadika Atau Pra Sekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Jabatan Kemahiran Hidup, Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional.
- Kurikulum Permata Negara. (2013). *Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak 0-4 tahun*. Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA).Jabatan Perdana Menteri.
- Nor Fauzian Kassim. (2015). *Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dan Modul Pendidikan Akhlak: Isu Dan Cabaran Masa Kini*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin, Yusni bin Mohamad Yusak. (2016). *Perbandingan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dahulu Dan Kini Dalam Pembinaan Generasi Ulul Albab*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Siti Zaihasrah Anis. (2015). *Sejarah dan Falsafah dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. SMK Sultan Abdul Jalil.
- Wan Zurianti Wan Abdullah. (2010). *Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Peringkat Tadika Atau Pra Sekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zakaria Stapa Noranizah Yusuf; Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.7-22.
- <http://www.ukm.my/monline/pendidikan-montessori-dan-pengaplikasiannya-kepada-pendidikan-awal-kanak-kanak.html>